

Headline	Hillferah, UUM juara Golf IPT		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2015	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	30	ArticleSize	224 cm ²
AdValue	RM 4,427	PR Value	RM 13,282



Hillferah, UUM juara Golf IPT

SUFIAN HADI SOJAK

PULAU CAREY - Universiti Utara Malaysia (UUM) muncul juara keseluruhan kejohanan Golf Institut Pengajian Tinggi (IPT) kali ke-5 di di Amverton Cove Golf & Island Resort di sini, semalam.

Dalam kejohanan tiga hari bermula Jumaat lepas itu, UUM merangkul beberapa kategori yang dipertandingkan, antaranya juara Individu Lelaki menerusi Muhammad Afif Muhd Razif dan Hillferah Tan dalam kategori Individu Wanita.

UUM juga muncul juara kategori Berpasukan Lelaki dan Berpasukan Wanita dalam kejohanan yang sebelum ini dikenali sebagai Kejohanan Golf IPT Piala Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Hadiah disampaikan Naib Canselor UUM Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan Datuk Nasir Mat Dam.

Menurut Hillferah, 24, menerusi kejayaannya itu sedikit sebanyak telah menyuntik semangat untuk



HILLFERAH TAN (kanan) muncul juara individu wanita, manakala **Muhammad Afif Muhammad Razif** dinobatkan sebagai juara individu lelaki gross dalam Kejohanan Golf IPT 2015 di Amverton Cove Golf & Island Resort, Pulau Carey, semalam.

dia mempamer aksi terbaik di Sukan Universiti Dunia (Universiade) yang akan berlangsung di Gwangju, Korea Selatan pada Julai ini.

“Saya akan lebih fokus untuk pergi ke temasya Universiade nanti. Mulai sekarang, saya perlu menjalani latihan berterusan dan membuat persediaan untuk kejohanan akan datang.

“Saya sasar untuk membawa pulang emas atau pun sekurang-kurangnya pingat dalam Universiade kali kedua bagi diri saya,” katanya.

Kejohanan Golf IPT 2015 itu yang bermula Jumaat lalu hingga semalam merupakan kerjasama UUM dengan Kementerian Pendidikan

untuk mencungkil bakat-bakat baharu dalam sukan golf.

Ia juga merupakan kejohanan utama yang dianjurkan di peringkat IPT di negara ini dan menarik penyertaan seramai 98 orang pemain golf amatir dari semua IPT Awam, Swasta dan Kolej Komuniti.

Dalam pada itu, Mohamed Mustafa berkata, Akademi Golf Nasional akan berusaha libih gigih agar penganjuran kejohanan tersebut menjadi gelanggang utama mengenal pasti atlet berpotensi.

“Selain itu juga, kejohanan ini boleh dijadikan platform untuk mencari pelapis baharu untuk mewakili negara pada masa hadapan,” katanya.